

# **Hubungan Antara Stres Kerja Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Di Daerah Melaka Tengah**

Azlina Binti Mohd Kosnin & Noryati Binti Cheman

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini berbentuk deskriptif bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres kerja dan tahap kepuasan kerja. Seramai 73 orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Data dikumpul melalui set soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 12.0 untuk mendapatkan hasil kajian dalam bentuk frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai (SD) dan Korelasi Pearson. Kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan 15 orang guru-guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai tidak termasuk guru-guru besar daerah Melaka Tengah untuk mengenalpasti kebolehpercayaan item. Bagi kajian rintis, nilai Alfa Cronbach bagi stres kerja ialah 0.89 dan nilai Alfa Cronbach bagi kepuasan kerja ialah 0.86 secara keseluruhan. Dapatan kajian sebenar berdasarkan 73 orang guru-guru besar di daerah Melaka Tengah menunjukkan stres kerja pada tahap rendah dan tahap kepuasan kerja pada tahap sederhana. Hasil analisis ujian Korelasi Pearson ialah  $r = - 0.55$  iaitu menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Beberapa cadangan tindakan dan kajian selanjutnya juga disarankan.

*Katakunci :* hubungan, stress kerja, kepuasan kerja, guru besar

## **Pengenalan**

Stres merupakan suatu perkara yang biasa dialami oleh manusia dalam kehidupan seharian. Perkataan stres berasal daripada perkataan Greek iaitu 'stringere' yang membawa maksud 'ketat' atau 'tegang' (Cox, 1979 dalam Rosnah Ismail, 2008).

Walaupun stres adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, namun sejauhmana stres boleh memberi kesan kepada seseorang itu bergantung kepada bagaimana seseorang individu itu mengendalikan stres tersebut. Setiap individu mempunyai persepsi yang berbeza tentang stres dan bertindak dengan cara yang berlainan dalam mengendalikannya. Menurut Fontana (1989), tekanan sebagai permintaan yang dibuat ke atas keupayaan penyesuaian minda dan badan. Juga, menjelaskan sekiranya keupayaan seseorang itu dapat menangani permintaan itu, maka tekanan itu akan mendatangkan kesan yang positif.

Kepuasan kerja amat diperlukan dalam kehidupan seseorang pekerja. Pengkaji-pengkaji seperti Herzberg (1959), Mc Gregor (1960) dan Maslow (1970) telah menekankan bahawa kepuasan bekerja merupakan satu keperluan manusia yang paling utama dan mesti dipenuhi, terutama bagi mencapai tahap kesempurnaan sendiri. Kepuasan kerja kepada seseorang individu samada ia seorang guru besar atau kerjaya-kerjaya lain adalah bergantung kepada nilai pekerjaan itu mengikut tafsiran penilaian individu itu sendiri. Ketinggian nilai pekerjaan yang dirasakan oleh seseorang individu itu boleh menyebabkan ia merasa puas hati, komited, berminat dan setia

kepada pekerjaannya, seterusnya ia akan sentiasa menjalankan tugas dan kewajibannya dengan penuh kerelaan hati tanpa sebarang paksaan (Mc Gregor, 1960).

Justeru itu, demi mencapai matlamat sistem pendidikan yang berkesan di sekolah, seseorang guru besar mestilah boleh menangani stres dalam memperolehi kepuasan kerja. Seseorang guru besar perlu mempertingkatkan prestasi kerja dan menuju ke arah menghasilkan dan mempertingkatkan produktiviti yang optimum. Hal ini adalah kerana peningkatan kepuasan kerja akan menambahkan produktiviti, kemampuan dan keberkesanan organisasi (Gruneberg, 1981).

### **Pernyataan Masalah**

Kajian tentang hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja telah banyak dijalankan di luar negara oleh pengkaji seperti Boyle et. al. (1995), Kyriacou dan Sutcliffe (1978). Namun, kajian-kajian seumpama ini kurang dijalankan di Malaysia dalam kalangan guru-guru besar. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengkaji hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar khususnya di daerah Melaka Tengah. Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap stres dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah semasa menjalankan tugas seharian di sekolah. Akhir sekali, kajian ini akan meninjau hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Dapatan kajian ini dijangka amat berguna sebagai panduan kepada guru-guru besar dalam menghadapi stres dan seterusnya memberikan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum bagi kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Objektif khusus pula adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap stres kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.
2. Mengetahui tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.
3. Mengetahui hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian stres kerja dan kepuasan kerja telah banyak dijalankan dalam kalangan guru-guru. Walau bagaimanapun sukar didapati kajian seumpama ini dijalankan di kalangan guru-guru besar. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan bertumpu kepada aspek-aspek lain seperti gaya kepimpinan, kepimpinan berkesan dan kepimpinan pengajaran.

Oleh kerana jatuh bangunnya sesebuah sekolah dan yang menentukan suasana serta hala tuju sekolah bergantung kepada keupayaan seseorang guru besar dalam mengurus dan mentadbir sekolah, maka seseorang guru besar mestilah tidak mengalami stres dan mempunyai kepuasan bekerja yang tinggi. Maka dengan itu juga, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara stres kerja dengan dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji berharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukannya. Antara kepentingan kajian ini adalah :

1. Memberi maklumat dan pengetahuan berkaitan hubungan antara stres kerja dan kepuasan kerja bagi mengurangkan stres semasa mengurus dan mentadbir sekolah kepada guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Guru-guru besar dapat mengenal pasti kefahaman terhadap stres dan dapat memotivasikan diri mereka untuk bekerja dalam keadaan yang lebih selesa.
2. Membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah dalam membuat penilaian dan perancangan supaya dapat mewujudkan suasana pekerjaan yang dapat memberi kepuasan kerja kepada guru-guru besar.
3. Membolehkan pemimpin-pemimpin pendidikan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah untuk :
  - a. memahami masalah dan tanggungjawab guru-guru besar demi meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran sekolah dengan menganjurkan kursus-kursus profesionalisme yang lebih berkesan. Kursus pengurusan stres juga perlu diadakan bagi membantu guru-guru besar mendapat maklumat mengenai stres dan membantu mereka mengatasinya.
  - b. mengambilkira pandangan guru-guru besar sebelum pelaksanaan sesuatu dasar baru dan perubahan polisi.
  - c. memberikan pengiktirafan yang sesuai kepada guru-guru besar bagi meningkatkan kepuasan kerja.
  - d. memastikan stail kepimpinan pihak atasan tidak memberi tekanan kepada guru-guru besar apabila ada perubahan pucuk kepimpinan kerana stail kepimpinan mereka yang berbeza-beza.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan rekabentuk penyelidikan deskriptif dan ia biasanya digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Menurut Mohd. Majid (1990), penyelidikan deskriptif sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena. Penyelidikan pendidikan ini bertujuan untuk mengukur tahap stres kerja dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Data-data yang terkumpul bersifat kuantitatif dan boleh dianalisis secara logik. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah dengan menggunakan koefisien kolerasi Pearson.

Kerlinger (1985) menyatakan bahawa kaedah tinjauan melalui soal selidik sesuai untuk mengukur pendapat, pencapaian serta sikap responden. Kaedah ini juga mempunyai kelebihan di mana ia memerlukan sampel kajian membuat respon pada masa tertentu. Kajian ini tidak menjadikan stres kerja dan kepuasan kerja sebagai pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Bagi tujuan kajian ini, sampel yang juga merupakan populasi kajian adalah terdiri daripada 73 orang guru besar daripada 86 buah sekolah rendah di daerah Melaka Tengah kecuali sekolah pengkaji. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi diperolehi daripada Jadual Krejicie, R.V and Morgan D.W (1970) di mana jika saiz populasi ialah seramai 86 orang, maka saiz sampel ialah seramai 73 orang.

Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah. Senarai nama sampel boleh didapati dari buku catatan harian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Melaka. Pemilihan secara rawak mudah dibuat dengan cara menulis setiap nama sekolah yang terdapat di daerah Melaka Tengah pada setiap helaian slip kertas yang berbeza. Selanjutnya, slip kertas dilipat, dimasukkan ke dalam satu bekas dan digoncang. Selepas itu, setiap slip kertas dicapai secara rawak. Slip kertas tersebut diketepikan dan capaian slip kertas diteruskan sehingga bilangan slip kertas yang dikehendaki iaitu sehingga mencapai bilangan yang ke 73.

### **Instrumen Kajian**

Menurut Sulaiman Masri (2002), soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kelebihan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajiannya kerana ianya mudah disusun, dianalisis, menjimatkan masa, kos dan boleh ditadbir dalam ruang lingkup yang besar. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah diubahsuai mengikut kerangka konsep kajian dan teori-teori yang dikemukakan dalam sorotan kajian.

Instrumen soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Instrumen lengkap disertakan dalam LAMPIRAN A. Bahagian A mempunyai 7 item mengenai maklumat diri responden iaitu jantina, taraf perkahwinan, bangsa, pengalaman menjadi guru besar, jenis sekolah, gred jawatan dan pendapatan. Bahagian B pula mempunyai 15 item berkaitan stres kerja yang dibahagikan kepada sub skala stres kerja iaitu simptom fizikal, psikologi dan tingkahlaku seperti yang terdapat dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1 : Jumlah Item Stres Kerja**

Aspek-aspek	No. Item
Fizikal	1, 4, 6, 8, 16
Psikologi	2, 5, 9, 11, 13
Tingkahlaku	3, 7, 10, 12, 14
Jumlah	15 item

Bahagian B juga mempunyai 40 item berkaitan kepuasan kerja yang dibahagikan kepada faktor *hygiene* yang terdiri dari aspek pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat dan pekerjaan manakala faktor *motivator* pula terdiri dari aspek hubungan interpersonal, gaji, penyeliaan dan suasana tempat kerja seperti yang terdapat dalam Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2 : Jumlah Item Kepuasan Kerja**

Faktor	Aspek-aspek	No. Item
<i>Hygiene</i>	Pencapaian	19, 22, 26, 27, 32
	Pengiktirafan	23, 28, 33, 34, 38
	Kenaikan pangkat	20, 24, 29, 30, 35
	Pekerjaan	21, 25, 31, 36, 37
<i>Motivator</i>	Hubungan interpersonal	16, 39, 43, 49, 51
	Gaji	18, 40, 44, 48, 52
	Penyeliaan	17, 41, 45, 47, 53
	Suasana tempat kerja	42, 46, 50, 54, 55
	Jumlah	40 item

Terdapat 5 item yang kesemuanya berbentuk positif dalam aspek fizikal, psikologi dan tingkahlaku bagi stres kerja. Jumlah keseluruhan item positif bagi stres kerja adalah sebanyak 15 item seperti yang terdapat dalam Jadual 3 seperti di bawah:

**Jadual 3 : Senarai Item Positif dan Negatif Bagi Stres Kerja**

Aspek	Item Positif	Item Negatif
Fizikal	1, 4, 6, 8 dan 15	-
Psikologi	2, 5, 9, 11 dan 13	-
Tingkah laku	3, 7, 10, 12 dan 14	-

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis merupakan pra-ujian untuk mencuba instrumen yang khusus. Menurut Mohd. Najib (1996), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji.

Bagi memastikan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina menepati piawai, pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas 15 orang guru-guru besar yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Khas Guru Besar tetapi tidak termasuk guru-guru besar daripada daerah Melaka Tengah.

Hasil daripada analisis tersebut menunjukkan nilai Alfa Cronbach yang didapati adalah tinggi iaitu bagi stres kerja ialah 0.89 dan bagi kepuasan kerja ialah 0.86. Menurut Mc dan Schumacker (1984; dalam Tan, 2006), julat nilai Alfa Cronbach boleh diterima untuk membolehkan instrumen digunakan dalam penyelidikan ialah 0.70 hingga 0.90. Berdasarkan kenyataan tersebut, keseluruhan instrumen kajian yang diuji adalah melebihi nilai Alfa Cronbach 0.7. Ini bermakna instrumen tersebut didapati sah dan sesuai untuk diedarkan bagi menjalani kajian sebenar.

### **Analisis Data**

Analisis hasil kajian menunjukkan min skor bagi simptom fizikal bernilai 2.41 dengan sisihan piawai bernilai 0.75. Min skor 2.41 menunjukkan satu tahap yang sederhana, maka tahap stres

kerja bagi simtom fizikal yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah berada pada tahap yang sederhana.

Simtom psikologi menunjukkan min skor yang bernilai 2.15 dengan sisihan piawai bernilai 0.57. Min skor 2.15 menunjukkan satu tahap yang rendah, maka tahap stres kerja bagi simtom psikologi yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah berada pada tahap yang rendah.

Min skor bagi simtom tingkah laku pula bernilai 1.63 dengan sisihan piawai bernilai 0.45. Min skor 1.63 menunjukkan satu tahap yang rendah, maka tahap stres kerja bagi simtom tingkah laku yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah berada pada tahap yang rendah.

Analisis hasil kajian menunjukkan min skor bagi stres kerja secara keseluruhan bernilai 2.06 dengan sisihan piawai bernilai 0.49. Min skor 2.06 menunjukkan satu tahap yang rendah, maka tahap stres kerja secara keseluruhan yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah berada pada tahap yang rendah. Tahap stres bagi sub skala simtom fizikal, simtom psikologi, simtom tingkahlaku dan stres kerja secara keseluruhan ditunjukkan dalam jadual 4.

**Jadual 4 : Tahap stres responden mengikut simtom fizikal, psikologi, tingkahlaku dan stres kerja secara keseluruhan**

Sub skala	Min	Tahap
Simtom fizikal	2.41 (s.p. = 0.75)	Sederhana
Simtom psikologi	2.15 (s.p.= 0.57)	Rendah
Simtom tingkahlaku	1.63 (s.p.= 0.45)	Rendah
Stres kerja (keseluruhan)	2.06 (s.p.= 0.49)	Rendah

Hipotesis yang telah dikemukakan bagi soalan ini ialah Hipotesis nol ( $H_0$ ) : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

Bagi tujuan menjawab persoalan kajian 3, pendekatan yang diambil ialah dengan menggunakan kolerasi Pearson. Jadual 4.11 menunjukkan hubungan di antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Berpandukan paras signifikan Pekali Kolerasi Pearson 0.01 yang dipilih, analisa menunjukkan nilai kolerasi  $r = -0.55$ , dan nilai signifikan  $p$  adalah 0.00. Berdasarkan skala klasifikasi Rowntree (1988, dalam Najib,1999), nilai  $r = -0.55$  menunjukkan satu hubungan negatif (songsang) yang sederhana kuat. Nilai  $p$  yang kurang daripada nilai Alfa Cronbach (0.01) pula menunjukkan bahawa kajian terdapat bukti yang mencukupi untuk menolak Hipotesis nol ( $H_0$ ).

**Jadual 5 : Hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah**

Hubungan kepuasan kerja dengan stres kerja guru-guru besar	Nilai Kolerasi R	Aras Signifikan P	Jumlah Responden
	- 0.55**	0.00	73

\*\* Kolerasi adalah signifikan pada paras signifikan Alfa Cronbach = 0.01 ( Ujian dua hala).

Hipotesis no1 ditolak. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif (songsang) yang sederhana kuat dan signifikan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah secara keseluruhan. Ini bermakna bahawa semakin rendah tahap stres kerja, semakin tinggi tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Begitulah sebaliknya apabila tahap stres kerja tinggi, semakin rendah tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

### **Perbincangan**

Stres boleh dilihat sebagai desakan atau tekanan yang dihadapi oleh individu berikutan peristiwa yang berlaku padanya (Selye, 1976). Tekanan ini memerlukan seseorang untuk menyeimbangkan tuntutan perubahan dengan keupayaan yang ada pada dirinya. Kegagalan untuk mencapai keseimbangan inilah yang akan menyebabkan stres.

Walaupun stres adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, namun sejauh mana stres memberi kesan kepada seseorang itu bergantung kepada bagaimana seseorang individu mengendalikan stres tersebut. Setiap individu mempunyai persepsi yang berbeza tentang stres dan bertindak dengan cara yang berbeza dalam mengendalikan stres.

Keputusan kajian mendapati bahawa guru-guru besar di daerah Melaka Tengah hanya mengalami stres kerja yang rendah. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Norul Azlin (2005) yang mengkaji tahap stres ke atas 120 orang guru-guru kelas peperiksaan (UPSR) di 10 buah sekolah rendah di sekitar daerah Pendang yang menunjukkan tahap stres pada keseluruhannya berada di tahap rendah. Dapatan kajian tersebut juga selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Apandi (2003) yang menunjukkan seramai 52.5% orang guru-guru daripada 120 orang guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kawasan Bandar Daerah Pontian, Johor mengalami stres atau tekanan kerja yang rendah, seramai 47.5% guru-guru mengalami stres atau tekanan kerja yang sederhana dan tidak terdapat guru yang mengalami stres atau tekanan kerja yang tinggi. Begitu juga dengan dapatan kajian Lim (2005) yang menunjukkan tahap stres yang dialami oleh guru-guru teknikal Sekolah Menengah Teknik di Negeri Kedah Darul Aman mencapai tahap stres yang rendah terhadap pekerjaan mereka.

Dapatan kajian menunjukkan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah mencapai tahap stres kerja yang rendah terhadap pekerjaan mereka. Ini berkemungkinan guru-guru besar ini telah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan berpengalaman dalam menangani stres ketika mengurus dan mentadbir sekolah. Walaubagaimanapun simptom fizikal bagi stres dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah mengalami tahap yang sederhana. Ini mungkin disebabkan mereka merasa letih dan lesu akibat terlalu banyak tekanan kerja yang dihadapi setiap hari sebagai seorang pengurus dan pentadbir sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Dunn (2000) yang menunjukkan stres kerja guru bidang

pertanian berada pada tahap yang sederhana tinggi di mana aspek utama yang menyebabkan keletihan menyumbang kepada *burnout* (dalam Tan, 2006). Manakala simptom psikologi dan simptom tingkahlaku dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah pula berada pada tahap rendah.

Namun begitu, dapatan kajian ini tidak sepadan dengan dapatan kajian oleh Maheran (2005) yang telah menunjukkan bahawa tahap stres yang dialami oleh guru-guru di empat buah sekolah menengah di dalam daerah Tangkak, Johor Darul Takzim berada pada tahap sederhana. Tahap stres yang tidak sama di antara dapatan kajian ini berkemungkinan disebabkan beberapa situasi yang berbeza dalam merangsang seseorang itu kepada stres iaitu sebagai contoh guru-guru di sekolah menengah mungkin menghadapi masalah disiplin pelajar yang lebih serius berbanding dengan guru-guru di sekolah rendah.

Kesimpulannya, situasi yang berlainan boleh merangsang seseorang kepada stres cuma tahap stresnya adalah berbeza kerana reaksi seseorang itu menangani atau mengendalikan stres adalah berbeza di antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Secara keseluruhannya, analisis hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif (songsang) yang sederhana kuat dan signifikan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Ini bermakna bahawa semakin rendah tahap stres kerja, semakin tinggi tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah. Begitulah sebaliknya apabila tahap stres kerja tinggi, semakin rendah tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah.

Keputusan ini selaras dengan kajian lepas ( contoh : Konert, 1995; Lim, 2005; Lim 2003) yang menyokong hubungan songsang antara stres kerja dan kepuasan kerja. Ini dapat disimpulkan iaitu semakin rendah tahap stres kerja, semakin tinggi tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru-guru besar di daerah Melaka Tengah dan sebaliknya. Walaubagaimanapun, kajian oleh Maheran (2005) ke atas guru-guru sekolah menengah di daerah Tangkak, Negeri Johor Darul Takzim tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara stres dengan kepuasan kerja. Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan suasana dan persekitaran kerja di tempat kajian yang berlainan.

## **Rujukan**

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdur Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baharum Bin Hj. Ahmed (1998). *Hubungan Kepuasan Kerja Guru-Guru Berdasarkan Teori Dua Faktor Herzberg Di Sebuah Sekolah Menengah Dalam Daerah Kota Tinggi: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Cox, T. (1978). *Stress*. London : Mac Millan.
- Dunn, H.M.Sr., (2000). *The Relationship Between Measured Levels of Stress, Coping, Strategies and Burnout Exhibited By Pennsylvania Agricultural Educator*. The University State Pennsylvania : A Doctorial Dissertation.
- Ee Ah Meng (1996). *Psikologi Pendidikan 1 : Psikologi Perkembangan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faseha Bt. Jelani, (2005). *Hubungan Kepuasan Kerja Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja: Satu Tinjauan Di Kalangan Guru-Guru Agama Di Sekolah Menengah Daerah Muar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Gruneberg, M. M. (1981). *Understanding Job Satisfaction*. London : Mac Millan Press Ltd.



- Herzberg, F.B Mausner and B. Synderman, (1959). *The Motivation to Work*. New York : John Wiley and Son Inc.
- Ishak Sin (2003). *Gaya Kepimpinan Transformasi dan Pengajaran : Gaya Manakah Yang Diperlukan Oleh Pengetua?* Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB. Jilid 13, Bil. 02 Disember 2003, 1-2.
- Jaafar Muhamad (2000). *Kelakuan Organisasi Edisi Ke Empat*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Yee Chian (2005). *Hubungan Di Antara Stres Kerja Dengan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Teknikal Di SM Teknik, Kedah Darul Aman*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Maheran @ Malek Bin Ahmad Johari (2005). *Stres Dan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Tangkak, Negeri Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Norul Azlin Binti Ismail (2005). *Stres di Kalangan Guru kelas Peperiksaan UPSR Di Daerah Pendang*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Rosnah Ismail, (2008). *Stres Alam Sekitar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri, (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposol, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Tan Geck Kiang (2002). *Faktor-Faktor Penyebab Tekanan dan Cara-Cara Mengatasi Tekanan di Kalangan Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Zuraidah Binti Abdul Rahman (1994). *Kaunseling dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur : Times Books International.